

UM 7 APR 2001

MIC syor' tubuh agensi pelaburan kaum India

KANGAR 6 April — MIC akan mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Pusat supaya menubuhkan sebuah agensi pelaburan khusus untuk kaum India bagi meningkatkan pegangan ekuiti mereka.

Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, agensi pelaburan tersebut yang fungsinya seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNB), dijangka dapat meningkatkan pegangan ekuiti kaum India daripada 1.5 peratus kepada 3 peratus.

Menurutnya, agensi berkenaan akan dapat menggalakkan lebih ramai kaum India melabur dalam pasaran ekuiti supaya setanding dengan kaum-kaum lain.

“Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini amat menekankan tentang status ekuiti untuk semua kaum,” katanya pada majlis perasmian Konvensyen MIC Negeri Perlis ke-55 di sini hari ini.

Samy Vellu berkata, beliau juga menggalakkan lebih banyak kaum India membeli saham-saham yang disediakan oleh kerajaan bagi meningkatkan pasaran ekuiti.

Dalam pada itu, beliau menyarankan kaum India supaya meningkatkan simpanan mereka bagi menjamin masa depan mereka.

Bagaimanapun, katanya, jumlah simpanan kaum India dalam agensi pelaburan dan koperasi semakin meningkat memandangkan kesedaran terhadap kepentingan menabune semakin tinggi.